BAB 5 : EKONOMI DAN KERAJAAN

5.1 PERANAN KERAJAAN DALAM EKONOMI

1. Manakah yang **betul** berkaitan dengan peranan kerajaan sebagai majikan?

   A Membekalkan barang awam untuk kepuasan rakyat

   B Mengawal kestabilan harga barangan dalam pasaran

   C Menyediakan faedah sampingan kepada penjawat awam

   D Melaksana dasar harga minimum demi kebajikan pengguna

2. Pernyataan di bawah berkaitan dengan peranan kerajaan

Kerajaan Malaysia merupakan majikan terbesar di Malaysia dengan kakitangan seramai 1.6 juta orang.

   Bagaimanakah peranan kerajaan tersebut dapat membantu ekonomi negara?

   A Mengurangkan kadar inflasi
   B Meningkatkan taraf hidup masyarakat
   C Memperbaiki imbangan pembayaran Malaysia
   D Mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing

3. Antara tindakan berikut yang manakah membantu kerajaan mencapai objektif makro ekonomi?

   I Mengecilkan saiz sektor awam
   II Melaksanakan dasar harga dan kuota
   III Mengurangkan kemasukan buruh asing
   IV Mengenakan cukai atas barangan tidak sihat
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

4. Berikut adalah satu ciri pasaran dalam ekonomi

   Tiada kebebasan firma keluar masuk industri

   Apakah ciri lain pasaran tersebut ?

   A Bilangan penggunanya adalah ramai

   B Melibatkan pengeluaran barang penting

   C Harga berdasarkan mekanisme pasaran

   D Keluaran mempunyai banyak pengganti

LIVEWORKSHEETS

5. Antara yang berikut, situasi yang manakah berkait dengan objektif makroekonomi ?

I Memacu pertumbuhan ekonomi dalam negara

II Meningkatkan taraf hidup dan kebajikan rakyat

III Mengawal firma yang terlibat dengan eksternaliti negatif

IV Memastikan kadar pengangguran kurang dari empat peratus

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

6. Antara yang berikut, manakah yang betul tentang eksternaliti negatif?

I Kesan yang ditanggung oleh pengguna

II Tidak dimasukkan ke dalam harga pasaran

III Merupakan kos sebenar yang ditanggung oleh masyarakat

IV Penggunaan kereta elektrik menyebabkan kos sosial tinggi

A I dan II

B I dan IIV

C II dan III

D III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan dengan satu peranan kerajaan.

Kerajaan perkenal MySTEP tawar 50,000 peluang kerja

Apakah kesan daripada peranan kerajaan tersebut?

A Perbelanjaan kerajaan bertambah

B Kos pengeluaran firma bertambah

C Kebajikan pihak swasta meningkat

D Penawaran barang dalam pasaran meningkat

LIVEWORKSHEETS

8. Gambar di bawah menunjukkan sejenis barang yang disediakan oleh kerajaan.



Berikut adalah tujuan kerajaan menyediakan barang tersebut, **kecuali**

A Kerajaan berperanan sebagai pengeluar barang awam
B Tiada pengecualian penggunaan
C Hanya dikenakan bayaran yang sedikit kepada golongan B40
D Merupakan sumbangan sosial kerajaan kepada rakyat

9. Tindakan kerajaan yang manakah dapat mengawal kesan eksternaliti negatif?

A Memberi subsidi untuk mengurangkan kos pengeluaran
B Memusatkan kawasan perindustrian di luar kawasan perumahan
C Mengenakan cukai terhadap produk yang memudaratkan kesihatan
D Mengisytiharkan barang penggunaan sebagai barang kawalan

10. Pernyataan manakah yang betul tentang ciri – ciri pasaran monopoli semula jadi

A Harga ditentukan melalui kuasa pasaran

B Sebuah firma sahaja yang mengeluarkan barang

C Keluaran firma mempunyai pengganti yang hampir

D Berlaku kebebasan keluar masuk pasaran

11. Antara berikut yang manakah merupakan tindakan kerajaan untuk mengawal kesan eksternaliti negatif?

I Menetapkan dasar harga minimum

II Menentukan penempatan perindustrian

III Mengisytiharkan sesetengah barang pengguna sebagai barang kawalan

IV Menjalankan pemantauan aktiviti pengeluaran firma oleh agensi kerajaan

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

12. Apakah objektif makroekonomi negara?

A Kos pengeluaran negara meningkat

B Kadar pengangguran lebih daripada 4%

C Mencapai keseimbangan pasaran dalam ekonomi

D Tingkat harga umum tidak naik secara berterusan

13. Ciri yang manakah menerangkan tentang monopoli semula jadi kerajaan?

A Mempunyai barang pengganti

B Firma lain bebas keluar masuk industri

C Mendapat perlindungan undang-undang

D Harga barang ditentukan oleh mekanisme pasaran

14. Pernyataan yang manakah betul tentang peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluar?

A Kuota menyebabkan persaingan yang sihat antara firma

B Pengenaan cukai menyebabkan firma lebih prihatin terhadap alam sekitar

C Dasar harga maksimum merupakan dasar penetapan harga yang lebih tinggi daripada harga keseimbangan

D Kerajaan memberi subsidi pengguna untuk menstabilkan harga barang dan mengurangkan kos pengeluaran

15. Antara berikut, yang manakah **betul** tentang peranan kerajaan dalam ekonomi?

I Mengawal selia pengeluar
II Mencapai guna tenaga penuh
III Menetapkan harga dan kuantiti keseimbangan
IV Mengeluarkan barang ekonomi dan barang awam

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

16. Kerajaan mengawal kesan luaran negatif dengan

A mengenakan kawalan harga keluaran firma
B menggubal akta dan undang-undang
C menggunakan dasar kewangan
D melaksanakan dasar fiskal

LIVEWORKSHEETS

17. Pernyataan yang manakah menerangkan ciri pasaran monopoli semula jadi?

A Wujud pelbagai firma
B Mempunyai barang pengganti
C Tidak bebas keluar masuk industri
D Harga ditentukan oleh mekanisme harga

5.2 PENUNJUK EKONOMI

18. Inflasi tarikan permintaan berlaku disebabkan oleh

A ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh
B nilai mata wang tempatan lebih rendah
C peningkatan harga bahan mentah
D kos import barang yang tinggi

19. Maklumat berikut berkaitan sejenis pengangguran dalam ekonomi.

- Kemerosotan dalam industri tertentu menyebabkan pembuangan pekerja dalam sektor berkenaan.
- Pekerja tersebut sukar mencari pekerjaan dalam sektor ekonomi yang lain.

Apakah yang menyebabkan situasi tersebut berlaku?

A Sikap buruh yang terlalu memilih pekerjaan
B Berlaku ketidakstabilan harga komoditi
C Kelewatan iklan kekosongan jawatan
D Firma mengurangkan pengeluaran

20. Antara berikut, yang manakah **benar** mengenai kesan inflasi?

I Daya saing negara bertambah baik
II Golongan berpendapatan tetap akan menikmati keuntungan
III Pertumbuhan ekonomi pada kadar inflasi yang kurang daripada 3%
IV Perbelanjaan penggunaan bertambah untuk mengekalkan taraf hidup

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

21. Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?

A Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
B Pekerja yang meletak jawatan untuk mengharapkan pekerjaan lain.
C Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi.
D Pekerja menghadapi kekurangan kemahiran.

LIVEWORKSHEETS

22. Rajah berikut berkaitan dengan jenis inflasi.



Pernyataan yang manakah menyebabkan inflasi X berlaku?

A Pendapatan individu semakin meningkat
B Kadar inflasi negara pengeksport meningkat
C Penciptaan kredit bank perdagangan bertambah
D Kos bagi bahan api dan bahan mentah bertambah

23. . Pilih pernyataan yang betul berkaitan pengangguran berstruktur.

A Melibatkan jangka pendek

B Berlaku dalam kalangan graduan

C Wujud apabila keadaan ekonomi lembab

D Buruh kekurangan mobiliti dari segi kemahiran

24. Pengangguran struktur berlaku disebabkan oleh pekerja

A Diberhentikan semasa kemelesetan ekonomi
B Hilang pekerjaan kerana sikap memilih kerjaya
C Lepaskan jawatan untuk dapatkan pekerjaan baharu
D Miliki kemahiran yang tidak bersesuaian

25. Pernyataan manakah yang betul tentang pengangguran berstruktur?

A Penganggur lebih suka membuat kerja tidak formal

B Pekerja kurang mendapat maklumat tentang pekerjaan

C Kekurangan kemahiran menyebabkan orang ramai berhenti kerja

D Firma menutup operasi kilang kerana firma mengecilkan operasi

LIVEWORKSHEETS

26. Jadual 7 menunjukkan Indeks Harga Pengguna di Malaysia pada tahun 2021.

Bulan	Indeks Harga Pengguna
Julai	1.9
Ogos	2.0
September	2.2
Oktober	2.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022

Jadual 7

Apakah kesan tersebut terhadap ekonomi negara?

A Pendapatan boleh guna berkurang
B Kadar faedah menurun
C Harga eksport murah
D Tabungan jatuh

27. Apakah cara untuk mengawal inflasi?

A Dasar kewangan mengembang
B Gaji kakitangan kerajaan meningkat
C Membina jambatan Pulau Pinang ketiga
D Kadar cukai pendapatan individu dinaikkan

28. Apakah kesan pengangguran terhadap ekonomi negara?

A Berlaku kemiskinan
B Taraf hidup menurun
C Kehilangan kemahiran
D Wujud masalah keluarga

29. Apakah kesan apabila kadar faedah dinaikkan?

A Kos pinjaman berkurangan

B Jumlah pinjaman akan berkurang

C Pendapatan negara akan bertambah

D Bekalan wang dalam pasaran bertambah

30. Maklumat yang berikut menunjukkan keadaan inflasi.

- Harga faktor pengeluaran meningkat
- Kuasa beli jatuh

Apakah jenis inflasi tersebut?

A Inflasi eksport

B Inflasi tolakan kos

C Inflasi tarikan penawaran

D Inflasi tarikan permintaan

LIVEWORKSHEETS

31. Bagaimanakah pengiraan Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) dapat membantu pembangunan sesebuah negara?

A Kerajaan dapat menetapkan inflasi

B Kerajaan dapat menetapkan kadar pertukaran asing

C Kerajaan dapat mengukur kadar pertumbuhan ekonomi

D Kerajaan dapat mengukur kadar pertumbuhan penduduk di sesebuah negara

32. Peningkatan pertumbuhan ekonomi di Malaysia akan membawa kepada

I peningkatan infrastruktur fizikal

II peningkatan kadar pengangguran

III peningkatan bilangan kakitangan awam

IV peningkatan taraf pendidikan penduduk di Malaysia

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

33. Apakah kesan berlakunya pertumbuhan ekonomi?

A Kadar inflasi yang tinggi

B Kurangnya minat masyarakat untuk berniaga

C Peningkatan pendapatan pengguna

D Perbelanjaan kerajaan untuk infrastruktur boleh dikurangkan

34. Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi.

X berlaku kerana terlalu banyak wang mengejar sedikit barang dalam ekonomi

Apakah kesan **X**?

I Peluang pekerjaan menurun

II Kuasa beli masyarakat meningkat

III Pendapatan benar masyarakat menurun

IV Nilai wang yang dipegang oleh masyarakat merosot

A I dan II

B II dan III

C I dan IV

D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

35. Antara yang berikut, yang manakah kesan pengangguran?

I Kehilangan kemahiran dan keyakinan diri

II Harga barang dalam pasaran semakin naik

III Taraf hidup masyarakat semakin bertambah baik kerana kuasa beli naik

IV Pendapatan negara sebenar kurang daripada pendapatan negara potensi

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

36. Maklumat berikut berkaitan dengan kadar inflasi di Malaysia.

> Inflasi Malaysia meningkat dengan kadar perlahan kepada 3.3 peratus pada 2022 berbanding 2.5 peratus tahun 2021 dengan mata Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan 127.2 berbanding 123.1 pada 2021.
>
> Sumber: Ubahsuai *hmetro.com.my*, 17 Mei 2023

Keadaan tersebut menunjukkan peningkatan

A harga barang import
B taraf hidup
C nilai wang
D kos hidup

37. Jadual berikut menunjukkan KDNK bagi Malaysia pada tahun 2019 hingga 2022.

Tahun	KDNK (RM juta)
2019	370.60
2020	290.10
2021	336.20
2022	360.20

Berdasarkan jadual tersebut, negara Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang paling rendah pada tahun

A 2022
B 2021
C 2020
D 2019

LIVEWORKSHEETS

38. Situasi yang manakah akan berlaku, jika kadar faedah terus diturunkan ketika masalah pengangguran sudah dapat di atasi?

I Pengangguran menjadi sifar
II Peningkatan tingkat harga umum
III Permintaan agregat terus meningkat
IV Penawaran guna tenaga meningkat

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

39. Mengapakah kerajaan perlu menjaga kestabilan harga dalam pasaran?

A Untuk meningkatkan pendapatan negara
B Untuk menjaga ekonomi negara dalam keadaan stabil
C Menjaga keharmonian antara pengeluar dan pengguna
D Supaya kuasa beli yang berpendapatan rendah meningkat

40. Pernyataan yang manakah menunjukkan ekonomi yang mampan?

A Meningkatkan pendapatan negara
B Mewujudkan perubahan inventori
C Merapatkan jurang pendapatan
D Meningkatkan eksport negara

41. Pernyataan manakah yang menerangkan yang konsep pertumbuhan ekonomi?

A Pertumbuhan ekonomi adalah bersifat kualitatif
B Pertumbuhan ekonomi menunjukkan peningkatan KDNK benar
C Perkembangan ekonomi menunjukkan keluaran negara berkurang
D Kemelesetan ekonomi menunjukkan kadar pertumbuhan yang positif

5.3 ALAT DASAR EKONOMI

42. Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan dasar fiskal mengembang?

A Pembinaan projek pembangunan berkurang

B Perolehan hasil cukai langsung meningkat

C Kadar pengangguran cenderung naik

D Kuasa beli pengguna merosot

43. Manakah merupakan hasil cukai langsung kerajaan?

A Duti eksport

B Duti import

C Duti eksais

D Duti setem

LIVEWORKSHEETS

44. Jadual 7 menunjukkan sebahagian perbelanjaan kerajaan pada tahun 2022.

Butiran	RM (juta)
• Selenggara sekolah dan kem tentera	230
• Penyediaan bekalan elektrik luar bandar	485
• Pembinaan hospital dan peralatan baharu	1 800
• Subsidi kawalan harga barang	3 100

Sumber: Laporan Ekonomi 2021/2022

Jadual 7

Berapakah jumlah perbelanjaan mengurus kerajaan pada tahun tersebut?

A RM715 juta

B RM2 285 juta

C RM3 330 juta

D RM4 900 juta

45. Apakah tindakan bank pusat yang dapat menambah bekalan wang dalam pasaran?

A Membeli surat jaminan kerajaan

B Menaikkan kadar faedah pinjaman

C Meningkatkan nisbah rizab berkanun

D Memendek tempoh bayar balik pinjaman

46. Antara berikut, yang manakah **benar** mengenai kesan inflasi?

I Daya saing negara bertambah baik

II Golongan berpendapatan tetap akan menikmati keuntungan

III Pertumbuhan ekonomi pada kadar inflasi yang kurang daripada 3%

IV Perbelanjaan penggunaan bertambah untuk mengekalkan taraf hidup

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

LIVEWORKSHEETS

47. Situasi manakah yang menyebabkan pengangguran kitaran?
A Pekerja yang hilang pekerjaan kerana terlalu memilih pekerjaan
B Pekerja yang meletak jawatan untuk mengharapkan pekerjaan lain.
C Pekerja yang hilang pekerjaan semasa kemelesetan ekonomi.
D Pekerja menghadapi kekurangan kemahiran.

48. Pernyataan yang manakah yang membezakan antara cukai langsung dan cukai tak langsung?

	Cukai langsung	Cukai tak langsung
A	Dikenakan ke atas individu dan firma	Dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan
B	Beban cukai boleh dipindahkan kepada orang lain	Beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada orang lain
C	Wajib dikenakan ke atas individu dan firma	Tidak wajib dikenakan ke atas individu dan firma
D	Kadar cukai meningkat mengikut pendapatan	Kadar cukai tidak dipengaruhi oleh pendapatan

49. Maklumat berikut menunjukkan senarai perbelanjaan kerajaan

I Penyelenggaraan jalan raya
II Pemberian subsidi kepada petani
III Pembinaan jalan raya
IV Pengubahsuaian pejabat Kerajaan
V Pembayaran gaji kakitangan
VI Pembelian peralatan ketenteraan

Berdasarkan maklumat di atas, yang manakah perbelanjaan pembangunan?
A I,II dan V
B II,IV dan V
C III, IV, dan VI
D IV, V, dan VI

50. Manakah dasar kewangan yang wajar diambil oleh bank pusat untuk mengatasi masalah inflasi?
A Melonggarkan syarat pinjaman
B Menjual surat jaminan kerajaan
C Menurunkan kadar rizab berkanun
D Merendahkan kadar faedah pinjaman bank

LIVEWORKSHEETS

51. Antara berikut, yang manakah kesan tindakan tersebut kepada ekonomi apabila bank pusat akan menaikkan kadar faedah?

I Jumlah tabungan meningkat
II Jumlah pinjaman menurun
III Jumlah perbelanjaan meningkat
IV Jumlah pendapatan negara menurun

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

52. **Apakah kesan pelaksanaan dasar fiskal menguncup?**

A Pengurangan hasil kerajaan
B Penurunan perbelanjaan agregat
C Peningkatan pertumbuhan ekonomi
D Pertambahan pendapatan boleh guna

53. Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran di Malaysia.

> Pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan sektor perniagaan terjejas teruk dan kadar pengangguran meningkat kepada 5.3% pada Mei 2020.
>
> Sumber: Ubahsuai Tinjauan Ekonomi 2021, Kementerian Kewangan Malaysia

Antara berikut yang manakah betul tentang situasi tersebut?

I Berlaku dalam jangka masa panjang
II Disebabkan oleh kemelesetan ekonomi
III Dikenali sebagai pengangguran normal
IV Berpunca daripada kekurangan kemahiran

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

54. Rajah berikut berkaitan dengan sumber hasil kerajaan.



Pasangan yang manakah betul tentang X dan Y?

	X	Y
A	Levi	Lesen dan Permit
B	Duti Setem	Royalti Petroleum
C	Faedah Pelaburan	Cukai Pintu
D	Cukai Pendapatan Koperasi	Duti Eksais

LIVEWORKSHEETS

55. Pernyataan yang manakah betul tentang perbelanjaan mengurus.
A Membiayai perbelanjaan prasarana
B Merupakan perbelanjaan pelaburan ekonomi
C Pencen dan ganjaran adalah perbelanjaan terbesar
D Perbelanjaan yang tidak dipengaruhi pendapatan negara

56. Maklumat berikut berkaitan dengan satu alat dasar kewangan.

Bank Negara Malaysia telah bertindak mengubah Kadar Dasar Semalaman (OPR) daripada 2.75% kepada 3.00%. Sumber: https://ecentral.my, 3 Mei 2023

Apakah kesan tindakan tersebut kepada firma?
A Daya saing meningkat
B Produktiviti bertambah
C Pelaburan agregat meningkat
D Ketidakcairan tunai bertambah

57. Antara berikut yang manakah betul tentang dasar kewangan mengembang?
I Menurunkan kadar faedah
II Melonggarkan syarat sewa beli
III Menjual surat jaminan kerajaan
IV Menaikkan nisbah rizab berkanun
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

58. **Pilih pernyataan yang betul berkaitan pengangguran berstruktur.**

A Melibatkan jangka pendek

B Berlaku dalam kalangan graduan

C Wujud apabila keadaan ekonomi lembab

D Buruh kekurangan mobiliti dari segi kemahiran

LIVEWORKSHEETS

59. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis cukai.

Pernyataan yang manakah betul berkaitan cukai tersebut?

A Merupakan hasil kerajaan dari cukai langsung

B Semakin tinggi pendapatan semakin tinggi kadar cukai

C Golongan berpendapatan rendah menanggung beban yang besar

D Dibayar oleh individu yang mempunyai sejumlah tertentu pendapatan

60. Pilih pasangan yang betul.

	Butiran	Keterangan
A	Emolumen	Gaji kakitangan awam dan swasta yang masih berkhidmat
B	Bekalan dan perkhidmatan	Perbelanjaan keraian pegawai kerajaan
C	Bayaran khidmat hutang	Bayaran balik pokok dan faedah secara sekaligus untuk menjelaskan hutang negara
D	Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	Diberikan secara sama rata kepada setiap kerajaan negeri

LIVEWORKSHEETS